

Bon Odori 2017 meriahkan suasana UMS

NET 11.12.17 6



PERSEMBAHAN ... Tarian Bon yang dipersembahkan di pentas sebelum upacara perasmian bermula.

KOTA KINABALU: Bon Odori 2017 nyata berlangsung dengan meriah dan membawa kelainan apabila acara tahunan itu kali ini turut diadakan sempena ulang tahun jalinan hubungan diplomatik Malaysia-Jepun yang memasuki tahun ke-60.

Pengarah Malam Kebudayaan Jepun itu, Chai Chuan Wooi berkata acara tahunan itu membawa makna yang lebih mendalam kali ini kerana meraikan keharmonian hubungan diplomatik Malaysia dan Jepun.

Jelasnya, acara itu juga turut diadakan bagi tujuan mempromosikan kebudayaan Jepun dalam kalangan mahasiswa mahasiswi Universiti Malaysia Sabah (UMS).

"Buat kali ke-9 pada tahun ini, Bon Odori 2017 telah dilaksanakan dan matlamat acara ini tidak lain adalah bagi mempromosikan kebudayaan Jepun.

"Semua ahli jawatankuasa pelak-
sana kami adalah mahasiswa maha-

siswi yang menyertai JCC di bawah naungan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UMS," katanya ketika ditemui New Sabah Times Sabtu lalu di Dataran Padang Kawad, UMS.

Hadir merasmikan acara itu, Pegawai Diplomatik Jepun selaku Duta, Dr. Makio Miyagawa yang turut sama melahirkan rasa bangga dengan semangat cintakan budaya dalam kalangan mahasiswa mahasiswi UMS.

"Saya berbesar hati kerana kebudayaan Jepun nyata menjadi satu sambutan dalam Bon Odori yang pastinya memberikan kegembiraan kepada semua.

"Masyarakat Jepun biasanya menyambut Bon Odori semasa musim panas dan kemeriahan sambutan Bon Odori adalah hasil daripada penyatuan semua masyarakat," ucap beliau ketika perasmian.

Dalam pada itu, Timbalan Presiden (Hal Ehwal Dalaman) JCC, Fong Xiao Yan berkata acara yang berlang-

sung itu melibatkan penyertaan daripada 15 buah gerai yang menjual pelbagai jenis makanan dan dianggarkan 1000 pengunjung hadir memeriahkan acara itu.

"Pelbagai gerai menjual makanan, minuman, snek, pameran kebudayaan dan permainan disediakan khusus untuk memberi keseronokan berpesta kepada para pengunjung.

"Kami turut menyediakan pelbagai hadiah menarik dan acara cabutan bertuah untuk semua pengunjung kami," katanya.

Selain itu, acara Bon Odori 2017 itu turut mendapat tajaan daripada Daikin dan Beschbum.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor, Prof. Dr. Shahril Yusof mewakili Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.

"Sambutan Bon Odori yang setiap tahun diadakan ini telah berjaya memasuki tahun ke-9 dan saya berbangga dengan semangat mahasiswa mahasiswi UMS yang tidak hanya mementingkan bidang akademik, tetapi turut mencintai keunik-an budaya masyarakat seluruh dunia," katanya.

Antara aktiviti persembahan yang menarik perhatian para pengunjung di kawasan pentas utama adalah persembahan Tarian Bon, Soran Bushi yang dipersembahkan oleh pelajar Sekolah Jepun Kinabalu, seni bela diri shorinji kempo, aukido renshin budo khai dan pakaian bertema (cosplay anime) bagi watak-watak karton terkenal Jepun. **OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**